

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Jangkitan kekal lebih 2,000

1,592 kes sembuh, tujuh kluster baharu dikesan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jumlah kes harian COVID-19 kekal merekodkan angka lebih 2,000 dengan 2,341 kes dilaporkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif COVID-19 di negara ini sebanyak 379,473 kes.

Katanya, daripada jumlah itu, Sarawak merekodkan kes harian tertinggi dengan 600 kes, diikuti Selangor (539) dan Kelantan (429).

"Pertambahan kes menjadikan jumlah kes aktif dengan kebanyakannya COVID-19 di Malaysia sebanyak 21,268 kes.

"Daripada jumlah itu 249 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU), manakala 95 kes masih memerlukan bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan semalam.

Negeri lain yang mencatatkan pertambahan kes ialah Kuala Lumpur (344); Johor (102); Pulau Pinang (92); Sabah (82); Kedah (44); Perak (34); Melaka (19) dan masing-masing 17 kes di Pahang dan Negeri Sembilan serta Terengganu (15).

Masing-masing tiga kes dilaporkan di Perlis dan Putrajaya dan satu kes di Labuan.

Sementara itu, tiga kes kematian dilaporkan semalam, masing-masing satu kes di Selangor,



Anggota polis membuat pemantauan pematuan SOP di bazar Ramadan TTDI, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Sabah dan Sarawak. Kes kematian kini meningkat kepada 1,389 kes.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya turut mengesan tujuh kluster baharu, iaitu empat membabitkan komuniti, dua institusi pendidikan serta satu di tempat kerja.

Sehingga jam 12 tengah hari semalam terdapat 1,592 kes sembuh di negara ini, sekali gus menjadikan jumlah pulih meningkat kepada 356,816 kes atau 94 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, pertambahan kes harian COVID-19 secara mendadak bukan sahaja direkodkan di Malaysia, malah turut berlaku di beberapa negara.

Katanya, India yang berada pada kedudukan kedua tertinggi dunia merekodkan 15,317,714 kes dengan 96,982 kes baharu sedangkan negara itu hanya mencatatkan kurang 20,000 kes harian awal tahun ini.

"Indonesia mencatatkan jumlah peningkatan kes COVID-19 yang ketara sejak dua minggu lalu dengan purata 5,453 kes di-susuli Thailand dengan 1,547 kes baharu serta dua kematian dalam tempoh 24 jam.

"Jumlah terkini kes baharu itu menjadikan Thailand mencatatkan lebih 1,500 kes harian COVID-19 dalam masa tiga hari berturut-turut selepas hanya mencatatkan purata kes harian kurang dari 100 kes pada 4 April lalu," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes harian COVID-19 yang direkodkan di seluruh dunia kini melonjak ke 142.71 juta kes dengan angka kematian melebihi 3.04 juta.

Katanya, Amerika Syarikat (AS) adalah negara paling teruk terjejas dan berada pada kedudukan tertinggi dari segi jumlah kes dan kematian, masing-masing sebanyak 32,475,043 dan 581,542 kes.

Berikutan itu, Dr Noor Hisham

berkata, tidak timbul sebarang kesangsihan terhadap sistem pengurusan data COVID-19 dan juga data harian yang dikongsi oleh Kementerian Kesihatan (KKM) kepada umum.

"Setiap negara perlu memastikan semua data harian serta data klinikal COVID-19 adalah tepat dan sahih. Oleh itu, sistem pengurusan data digunakan per-lu-lu-lu telus dan mempunyai integriti.

"Semua keputusan ujian dijalankan sama ada di klinik kesihatan kerajaan, hospital, mahupun fasiliti perkhidmatan kesihatan swasta adalah wajib dimuat naik ke dalam Sistem Informasi Makmal Kesihatan Awam.

"Sistem ini sentiasa dipantau oleh KKM melalui Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Kesihatan Negeri dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan bagi memastikan tindakan susulan sewajarnya dapat diambil," katanya.

451,237 lengkap dua dos vaksin

Kuala Lumpur: Seramai 451,237 individu melengkapkan dua dos suntikan vaksin menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang memasuki fasa kedua, setakat kelmarin.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata bagi dos pertama pula, 726,411 individu sudah menerima suntikan imunisasi terbahit dalam tempoh sama, menjadikan jumlah keseluruhan pemberian dos pertama dan kedua vaksin COVID-19 seramai 1,177,648 individu.

"Daftar segera di aplikasi MySejahtera atau laman web vaksinCovid.gov.my atau hubungi talian 1800 88 8828," katanya menerusi ciapan di akaun Twitter rasminya, semalam.

Dalam ciapan sama, Dr Adham turut memuat naik infografik laporan harian pemberian dos vaksin mengikut negeri.

Berdasarkan infografik itu, Selangor muncul negeri tertinggi menerima suntikan dos pertama vaksin COVID-19 dengan 101,208 diikuti Kuala Lumpur (80,978), Johor (70,999), Sarawak (70,592) dan Perak (60,384).

Selangor turut menjadi negeri tertinggi melengkapkan dua dos suntikan vaksin setakat ini dengan 64,306 individu sudah menerimanya diikuti Perak (48,926), Sabah (43,452), Kuala Lumpur (40,681) dan Sarawak (35,653).

Program imunisasi kebangsaan bermula 24 Februari lalu dengan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadi individu pertama menerima vaksin COVID-19, empat hari selepas belakan vaksin pertama negara ke-luaran Pfizer-BioNTech tiba.

Malaysia kini berada dalam fasa kedua program vaksinasinya yang bermula kelmarin hingga Ogos ini untuk kira-kira 9.4 juta warga emas berusia 60 tahun ke atas dan golongan berisiko tinggi.

Fasa pertama bermula Februari lalu menyasar memberi vaksin kepada 500,000 petugas barisan hadapan.

Daftar segera di aplikasi MySejahtera atau laman web vaksinCovid.gov.my atau hubungi talian 1800 88 8828

Dr Adham Baba,
Menteri Kesihatan

259 pelajar sekolah menengah di Kelantan positif

Kota Bharu: Seramai 259 orang atau 56 peratus daripada 464 individu yang dikesan positif COVID-19 di Kelantan adalah pelajar sekolah menengah, kata Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin.

Beliau berkata, jumlah selebihnya adalah guru, kakitangan sekolah, murid sekolah rendah, kanak-kanak berusia di bawah tujuh tahun dan individu lain berusia lebih 19 tahun.

Katanya, angka itu berdasarkan

kan ujian COVID-19 yang dilakukan dalam tempoh dua minggu, iaitu antara 3 hingga 16 April lalu.

Menjelaskan perkara itu, Dr Zaini berkata, 111 orang atau 24 peratus yang dikesan positif adalah murid sekolah rendah berusia antara tujuh hingga 12 tahun.

"Bagi kanak-kanak berusia kurang daripada tujuh tahun, ada lapan orang (dua peratus) dan 86 (19 peratus) pula adalah individu berusia lebih 19 tahun (termasuk

guru dan kakitangan sekolah).

"Daripada 464 kes itu, daerah Kota Bharu mencatatkan jumlah paling tinggi, iaitu 189 kes positif diikuti Tumpat 113, Tanah Merah 55, Pasir 36, Machang 20, Bachok 17, Pasir Puteh 15, Kuala Krai 8, Jeli 7 dan Gua Musang 4," katanya ketika dihubungi, semalam.

Dr Zaini berkata, hasil kajian dilakukan mendapati jangkitan pantas yang berlaku di sekolah disebabkan pelbagai faktor, antaranya ia mudah tersebar ter-

utama di asrama.

"Pihak sekolah juga dilihat ada yang masih gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dengan baik sehingga menyebabkan berlakunya jangkitan," katanya.

Katanya, berdasarkan situasi semasa di negeri ini, termasuk kewujudan kluster baharu, JKNK menjangkakan kes positif COVID-19 pada minggu ini berkemungkinan mencecah antara 200 hingga 300 kes sehari.

BERNAMA

Terkini COVID-19 1,592 Pulih, dibenar keluar hospital, semalam 2,341 Kes baharu disahkan, semalam 1,389 Jumlah kematian dicatat 379,473 jumlah kes disahkan positif 21,268 kes yang masih dirawat

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

2,341 kes direkod

Sarawak kekal catat kes harian tertinggi iaitu 600

Kuala Lumpur

Jumlah kes baharu Covid-19 terus meningkat dengan 2,341 kes dicatatkan semalam, berbanding 2,078 kes kelmarin.

Peningkatan itu menjadikan jumlah kumulatif jangkitan sebanyak 379,473 kes, manakala 21,268 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tujuh kes import dilaporkan, manakala 2,334 kes lagi membabitkan penularan tempatan.

"Sarawak kekal melaporkan kes harian baharu ter-

tinggi iaitu sebanyak 600 kes dengan 540 kes adalah daripada kluster serta saringan kontak rapat kes positif, diikuti Selangor (539 kes) dan Kelantan (429 kes).

"Sebanyak empat kes dilaporkan berkaitan kluster di

penjara dan depot tahanan imigresen (DTI) membabitkan Kluster Jalan Salleh (3 kes) dan Kluster Tembok Sri Aman (1 kes)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata,

terdapat 249 pesakit positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 95 orang memerlukan bantuan pernafasan.

"Kadar kes pulih adalah 1,592, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepe-

nuhnya adalah 356,816 kes atau 94 peratus daripada jumlah keseluruhan.

"Terdapat tiga kematian dilaporkan hari ini (semalam) membabitkan dua individu tempatan serta seorang warga asing berusia antara 65 hingga 75 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kronik.

"Kes-kes itu menjadikan jumlah kumulatif kematian sebanyak 1,389 kes atau 0.37 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.



KES pelajar KMP dikompaun baru-baru ini tular di media sosial.

Siasat kes pelajar KMP kena kompaun

Kuala Lumpur: Isu kompaun ke atas pelajar Kolej Matrikulasi Perak (KMP) kerana melanggar prosedur operasi standard (SOP) mencegah Covid-19 sedang dalam siasatan, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata demikian menerusi ciapan di akaun Twitter kelmarin.

"Siasatan segera sedang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Perak. Terima kasih atas aduan ini kepada KKM (Kementerian Kesihatan) dan perkara ini akan diambil tindakan secepat mungkin," ciapnya ketika membalas ciapan pengguna Twitter, @NabilAmirul4 yang mempertikaikan tindakan kompaun oleh pegawai KKM ke atas pelajar kolej di Gopeng itu.

"Pelajar Matrikulasi Perak kena kurung sepanjang semester, tetapi KKM masuk kafe dan kompaun pelajar RM1,500. Elaun kami enam bulan pun hanya RM1,250," menurut ciapan pengguna Twitter itu.

Sejak Isnin lalu, tular di media sosial pelajar KMP dikompaun RM1,500 oleh pegawai KKM kerana tidak

memakai pelitup muka biarpun berada dalam kawasan kolej.

Tindakan itu dipertikai warganet kerana pelajar berkenaan dikatakan 'dikuarantin' di kolej sejak lima

bulan lalu dan tidak dibenarkan keluar.

Difahamkan, pihak KKM datang ke kolej berkenaan pada Ahad lalu susulan kes keracunan makanan di sebuah kafe di situ, namun

hadir semula pada keesokannya dan mengeluarkan kompaun RM1,500 kepada beberapa pelajar yang tidak memakai pelitup muka atau meletakkannya di bawah dagu.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Kes melonjak seluruh dunia

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Bukan hanya Malaysia, lonjakan kes positif Covid-19 yang meningkat mendadak turut berlaku di beberapa negara.

Menerusi data terbaharu yang diterbitkan oleh Pusat Sains Sistem dan Kejuruteraan (CSSE) Universiti Johns Hopkins, sehingga semalam, jumlah kes positif di seluruh dunia melonjak kepada 142.71 juta kes dengan angka kematian melebihi 3.04 juta orang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Amerika Syarikat negara paling teruk terjejas dan berada pada kedudukan tertinggi dari segi jumlah kes dan kematian, masing-masing sebanyak 32,475,043 kes dan 581,542 kes.

"Ia diikuti oleh India pada kedudukan kedua tertinggi dengan 15,317,714 kes dan pertambahan sebanyak 96,982 kes baharu.

"Selain itu, Indonesia mencatatkan jumlah peningkatan kes yang ketara sejak 14 hari lalu, dengan purata sebanyak 5,453 kes," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Beliau berkata, Thailand pula merekodkan 1,547 kes baharu dan dua kematian dalam tempoh 24 jam lalu dan jumlah terkini kes baharu itu menjadikan Thailand mencatatkan lebih 1,500 kes harian dalam masa tiga hari bertu-



SEORANG warga emas, Yun Ah Soon@Ewe Ah Soon, 84, menunjukkan notifikasi yang diterimanya melalui aplikasi MySejahtera pada Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Daerah Melaka Tengah semalam. – RASUL AZLI SAMAD

rut-turut selepas hanya mencatatkan purata kes harian kurang dari 100 kes pada 4 April lalu.

"Situasi peningkatan kes yang sama dapat dilihat di Malaysia dengan kes terkini yang direkodkan adalah berjumlah 379,473 kes, iaitu pertambahan kes baharu sebanyak 2,341 kes hari ini (semalam)," katanya.

Kes harian semalam turut disumbangkan oleh tujuh kluster baharu yang melibatkan empat kluster komuniti, dua kluster pendidikan termasuk satu kluster sekolah atau institusi pendidikan Kementerian Pendidikan (KPM)

dan satu kluster tempat kerja.

"Kluster komuniti yang dikenal pasti ialah Kluster Kampung Tengah Betong di Betong dan Kluster Sungai Rian di Meradong, Sarawak, manakala, Kluster Jalan Meranti di Hulu Selangor dan Gombak, Selangor.

"Seterusnya, Kluster Taman Dato Senu di Kepong dan Titiwangsa, Kuala Lumpur dengan 12 kes dikenal pasti membabitkan kes indeks lelaki berusia 30 tahun serta melibatkan sebuah majlis sosial pada 10 April di Sentul," katanya.

Beliau berkata, kluster pen-

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

Jumlah	
Kes baharu	2,341
Import:	7
Tempatan:	2,334
Pulih	1,592
Kematian	3
Masih dirawat	21,268
Jumlah kes sembuh	356,816
Jumlah Kematian	1,389
Jumlah kes keseluruhan	379,473

didikan iaitu Kluster Jalan Pasir Mas-Pohon Tanjong di Pasir Mas dan Tanah Merah, Kelantan.

"Kluster Jalan Padang Lallang pula yang juga kluster sekolah atau institusi pendidikan KPM dikesan di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang," katanya.

Tambahnya, kluster tempat kerja yang dikenal pasti ialah Kluster Hala Kampung Jawa di Timur Laut, Barat Daya dan Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dengan 23 kes saringan bersasar pekerja kilang di Kawasan Perindustrian Bayan Lepas, Barat Daya.

Jabatan Kesihatan siasat pelajar dikompaun RM1,500

Oleh ASLIAZ MUSA


IPOH – Jabatan Kesihatan Perak sedang menjalankan siasatan kes tular pelajar Kolej Matrikulasi Perak di Gopeng yang didakwa dikenakan kompaun RM1,500 atas kesalahan tidak memakai pelitup muka.

Perkara itu disahkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah menerusi ciapan di Twitternya semalam.

"Siasatan segera sedang dijalankan Jabatan Kesihatan Negeri Perak.

"Terima kasih atas aduan ini kepada KKM (Kementerian Kesihatan) dan perkara ini akan diambil tindakan secepat mungkin. insya-Allah," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri, Mohd. Akmal Kamarudin berkata, tindakan kompaun RM1,500 yang dikenakan ke atas enam pelajar Kolej Matrikulasi



TANGKAP layar gambar pelajar yang dikompaun di Kolej Matrikulasi Perak, Gopeng atas kesalahan tidak memakai pelitup muka.

Perak atas kesalahan tidak memakai pelitup muka semalam, bukan satu penganiayaan.

Sebaliknya, beliau berkata, tindakan yang dilakukan oleh pihak berkuasa itu adalah bertujuan untuk mengekang penularan wabak Covid-19.

Katanya, meskipun kes itu masih dalam siasatan, pelajar

terlibat tidak perlu risau kerana mereka berpeluang membuat rayuan bagi mengurangkan jumlah kompaun tersebut.

"Jangan risau, kita tidak menganiaya mana-mana pihak. Kerajaan negeri sendiri prihatin dengan apa yang berlaku dan siasatan juga sedang dijalankan.

"Antara proses yang boleh

mereka lakukan bagi mengurangkan kompaun ialah dengan membuat rayuan. Saya yakin jumlah pengurangan seminimum mungkin akan diberikan dan mampu dibayar pelajar.

"Saya difahamkan ada pelajar yang telah dan sedang membuat rayuan, jika mereka tidak mampu, insya-Allah pihak saya

juga boleh membantu untuk membayarnya," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pelancaran Op Keselamatan Makanan sempena bulan Ramadan peringkat negeri di bazar Ramadan Dataran Orkid Batu Gajah di sini semalam.

Terdahulu, satu ciapan di Twitter yang dipercayai dimuat naik seorang lelaki menarik perhatian warga maya apabila mendedahkan terdapat pelajar di kolej berkenaan dikenakan kompaun RM1,500 oleh petugas KKM atas kesalahan tidak memakai pelitup muka di kawasan kolej.

Tindakan petugas agensi terbabit yang disifatkan ramai sebagai tanpa budi bicara itu mencetuskan pelbagai reaksi warga maya yang rata-rata mempersoalkan kompaun dikeluarkan.

Difahamkan, kesemua pelajar kolej itu telah lima bulan tidak dibenarkan keluar ke mana-mana sejak semester dibuka bagi mengekang penularan Covid-19.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

464 kes aktif libatkan warga sekolah di Kelantan

Angka itu berdasarkan ujian Covid-19 yang dilakukan dalam tempoh dua minggu

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

KOTA BHARU

Seramai 259 atau 56 peratus daripada 464 individu yang dikesan positif Covid-19 di Kelantan adalah pelajar sekolah menengah, kata Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin.

Beliau berkata, jumlah selebihnya adalah guru, kakitangan sekolah, murid sekolah rendah, kanak-kanak berusia di bawah tujuh tahun dan individu lain berusia lebih 19 tahun.

Menurutnya, angka itu berdasarkan ujian Covid-19 yang dilakukan dalam tempoh dua minggu iaitu antara 3 hingga 16 April lepas.

"Seramai 111 orang (24 peratus) yang dikesan positif adalah murid sekolah rendah berumur antara tujuh hingga 12 tahun.

"Bagi kanak-kanak berusia kurang

daripada tujuh tahun, ada seramai lapan orang (dua peratus) serta 86 orang (19 peratus) pula adalah individu berusia lebih 19 tahun (termasuk guru dan kakitangan sekolah).

"Daripada 464 kes itu daerah Kota Bharu mencatatkan jumlah paling tinggi iaitu 189 kes positif diikuti Tumpat (113), Tanah Merah (55), Pasir (36), Machang (20), Bachok (17), Pasir Puteh (15), Kuala Krai (8), Jeli (7) dan Gua Musang (4)," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Mengulas lanjut, Dr Zaini berkata, hasil kajian yang dilakukan mendapati

jangkitan pantas yang berlaku di sekolah disebabkan pelbagai faktor antaranya ia mudah tersebar terutamanya di asrama.

"Pihak sekolah juga dilihat ada yang masih gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dengan baik sehingga menyebabkan berlakunya jangkitan," katanya.

Jelasnya, berdasarkan situasi semasa di negeri itu termasuk kewujudan kluster baharu, pihak JKNC menjangkakan kes positif Covid-19 pada minggu ini berkemungkinan mencecah antara 200 hingga 300 kes sehari.



Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan mengarahkan semua sekolah dan institusi pendidikan yang berada di tujuh kawasan di Kelantan yang dikenakan PKP ditutup sehingga 24 April depan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

'Bukan aniaya pelajar'

Semua pihak diminta bertenang, penguat kuasa hanya jalankan tugas

Oleh SAIFULLAH AHMAD

BATU GAJAH

Tindakan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenakan kompaun ke atas enam pelajar Kolej Matrikulasi Perak pada Isnin bukan satu bentuk penganiayaan.

Sebaliknya, Exco Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Mohd Akmal Kamarudin berkata, pegawai penguat kuasa yang mengeluarkan kompaun tersebut hanya menjalankan tugas memastikan prosedur operasi standard (SOP) pencegahan penularan Covid-19 dipatuhi.

"Kepada pelajar tersebut janganlah risau, di pihak ke-

rajaan negeri, kita prihatin dengan apa yang berlaku dan siasatan sedang dijalankan. Antara proses yang boleh mereka lakukan adalah dengan membuat rayuan bagi mengurangkan kos tersebut.

"Saya yakin jumlah pengurangan seminiimum mungkin (diberikan) dan mampu dibayar oleh pihak pelajar dan jika mereka tidak mampu, Insya-ALLAH pihak saya juga boleh membantu untuk membayarnya," katanya kepada pemberita selepas hadir ke Majlis Pelancaran Operasi Keselamatan Makanan di Bazar Ramadan Peringkat Negeri Perak Tahun 2021 di Bazar Ramadan Dataran Taman Orkid, di sini pada Selasa.

Mohd Akmal turut meminta semua pihak menghormati tugas agensi penguatkuasaan dalam usaha membendung penularan Covid-19.

"Saya nasihatkan semua rakyat Malaysia supaya bertenang. Perkara ini boleh diselesaikan tambahan seka-



Gambar tular yang dikongsi di media sosial menunjukkan pegawai KKM yang masuk ke dalam kolej untuk membuat pemeriksaan telah mengenakan kompaun kepada pelajar.

rang bulan Ramadan, bersangka baiklah kepada pihak KKM yang bekerja keras untuk memutuskan Covid-19," katanya.

Pada Isnin tular di media sosial Twitter apabila ada beberapa akaun yang mendakwa terdapat pelajar matrikulasi dikenakan kompaun kerana melanggar prosedur

pematuhan standard (SOP) dengan tidak memakai pelitup mulut di kawasan kolej.

Ciapan di Twitter itu turut mendapat perhatian Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yang memaklumkan siasatan mengenainya telah dijalankan Jabatan Kesihatan Perak.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Bazar Ramadan bukan penyebab kes meningkat

Punca utama kerana tiada patuh SOP

Oleh NURUL NABIŁA AHMAD HALIMY

SHAH ALAM

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali menafikan bahawa bazar Ramadan menjadi penyumbang kepada peningkatan kes Covid-19 di beberapa buah negeri baru ini.

"Bazar bukan penyebabnya, punca utama adalah bila tidak ada kepatuhan pada Prosedur Operasi Standard (SOP). Jika semua patuh pada SOP yang telah ditetapkan, tiada kes dan jangkitan Covid-19 akan berlaku."

"Apabila terdapat kes positif Covid-19 dilaporkan, penilaian risiko akan dijalankan dan sebarang keputusan sama ada arahan penutupan ataupun tidak adalah bergantung kepada hasil penilaian risiko tersebut," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Turut menyokong ulasan tersebut, bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Datuk Dr Rohaizat



Keadaan di bazar Ramadan masih terkawal dan SOP perlu dipatuhi untuk memastikan Covid-19 tidak merebak.



DR NOOR AZMI

Yon yang berkata, peningkatan kes Covid-19 masih dapat dikawal jika mematuhi SOP dengan betul.

"Pada masa ini masih lagi dalam keadaan yang boleh dikawal kalau semua pihak memainkan peranan untuk jaga penjarakan fizikal, pakai topeng muka dan cuci tangan. Apabila banyak sektor dibuka dan banyak kelonggaran diberi, memang ada risiko di situ. Jadi SOP itu amat penting untuk dipatuhi," katanya.

Namun, beliau juga menyokong cadangan bazar Ramadan perlu ditutup jika terdapat kes di tempat tersebut yang bo-

leh menyebabkan penyebaran Covid-19 kepada penduduk setempat.

"Kalau di tempat itu terbukti ada kes mungkin perlu ditutup dan KKM perlu buat penilaian risiko bagi mengenal pasti puncanya di mana," katanya.

Beliau turut berkata, impak penutupan bazar akan menjejaskan ekonomi negara terutamanya golongan yang bekerja sendiri dan B40.

"Jika bazar ditutup ketika bulan puasa ini, ia akan menjejaskan ekonomi yang kebanyakannya melibatkan golongan B40 dan bekerja sendiri."

"Oleh itu, komuniti yang mengadakan bazar tersebut hendaklah meneliti secara menyeluruh bagaimana penularan itu berlaku dan apakah tindakan yang

terbaik untuk mengekang peningkatan kes," katanya.

Azmi dan Rohaizat diminta mengulas mengenai satu video tular di media sosial yang mempertikai mengenai data KKM serta meminta tidak mengaitkan peningkatan kes Covid-19 dengan kluster bazar Ramadan dan tarawih.

Satu lagi maahad tahfiz di Kelantan kena PKPD

KUALA LUMPUR - Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat (MTAQ), Pulau Chondong, Machang di Kelantan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula hari ini hingga 4 Mei berikutan peningkatan kes Covid-19 secara mendadak.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pelaksanaan PKPD di kawasan itu dibuat setelah penilaian risiko dijalankan bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, dan atas nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) apabila 97 kes positif direkodkan menerusi 243 ujian saringan.

"Pelaksanaan PKPD bertujuan memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar



ISMAIL SABRI

ke atas semua yang terlibat dan seterusnya mengekang penularan jangkitan Covid-19 ke komuniti luar," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Sebelum ini Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah di Kelantan turut dikenakan PKPD bermula 19 April lepas apabila 43 kes positif Covid-19 direkodkan menerusi 396 ujian saringan.

Sementara itu, katanya 110 individu ditahan kerana ingkar prosedur operasi standard (SOP) pada Isnin, dengan 106 dikenakan kompaun manakala dua lagi direman.

Merujuk kepada Operasi Benteng pula katanya, 23 pendatang asing tanpa izin ditahan dan 11 buah kenderaan darat turut dirampas. - *Bernama*

Pemberian vaksin frontliners selesai hujung bulan

FOTO: BERNAMA

MELAKA - Sekurangnya 95 peratus daripada sejumlah 571,000 petugas barisan hadapan telah menerima dos pertama vaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Fasa Pertama.

Menteri Penyelaras program berkenaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, pihaknya menjangka pemberian suntikan vaksin petugas barisan hadapan akan selesai pada hujung bulan ini.

Katanya di Melaka sendiri sebahagian besar petugas barisan hadapan telah menerima suntikan vaksin yang lengkap, manakala bakinya sedang menunggu untuk melengkapkan suntikan dos kedua.

"Sebanyak 84 peratus atau 528 daripada 540 dos vaksin berjaya diberi pada hari pertama Program Imunisasi Co-



Khairy beramah mesra dengan sebahagian warga emas yang hadir bagi mendapatkan suntikan dos pertama vaksin Covid-19 pada Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Fasa Kedua di Bukit Katil pada Selasa.

vid-19 Kebangsaan Fasa Kedua di Melaka semalam (Isnin).

"Sebanyak 16 peratus individu di bawah Fasa Kedua berkenaan tidak hadir atas pelbagai sebab dan pihaknya akan memperincikan perkara berkenaan selepas ini," katanya di sini pada Selasa.

Khairy berkata, sepatut-

nya kehadiran penerima suntikan vaksin Fasa Kedua pada hari pertama semalam (Isnin) antara 95 hingga 100 peratus, namun pihaknya berpuas hati dengan kehadiran 84 peratus sekali gus menunjukkan orang ramai yakin dengan vaksin yang diberi kerajaan.

- *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Sarawak catat 600 kes baharu

Sebanyak 2,341 kes baharu positif Covid-19 dilaporkan pada Selasa

KUALA LUMPUR

Sebanyak 2,341 kes baharu Covid-19 direkodkan dalam tempoh 24 jam lepas, meningkat berbanding 2,078 kes pada Isnin menjadikan jumlah kumulatif jangkitan virus setakat ini 379,473 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam Twitter rasmi memaklumkan Sarawak terus mencatatkan kes baharu tertinggi iaitu 600 kes, diikuti Selangor (539), Kelantan (429),

Kuala Lumpur (344) dan Johor (102).

Sementara itu, Pulau Pinang merekodkan 92 kes, Sabah (82), Kedah (44), Perak (34), Melaka (19), masing-masing 17 kes di Negeri Sembilan dan Pahang, manakala Putrajaya dan Perlis masing-masing tiga kes dan Labuan (1).

Menerusi kenyataan rasmi mengenai perkembangan Covid-19 pada Selasa, Dr Noor Hisham berkata, daripada jumlah kes baharu yang dilaporkan itu, tujuh adalah kes import



DR NOOR HISHAM

manakala 2,334 kes melibatkan penularan dalam negara.

